



Good food, Good life

## Siaran Berita

Petaling Jaya, Februari 23, 2021

### **Nestlé sekali lagi catat keputusan mantap pada tahun 2020**

*Prestasi teguh S4 dipacu oleh jualan tempatan dan juga eksport*

#### **SOROTAN PENTING**

- Perolehan RM5.4 bilion yang dicapai untuk setahun penuh mencerminkan momentum lebih kukuh dalam persekitaran yang amat mencabar.
- Perolehan S4 naik 3.1% kepada RM1.37 bilion dipacu oleh penggunaan tempatan dan juga eksport.
- Untung selepas cukai S4 meningkat kepada RM132.5 juta, walaupun menanggung perbelanjaan lebih tinggi atas usaha yang dijalankan untuk menangani COVID.
- Kos sepanjang tahun untuk langkah-langkah keselamatan dan pencegahan berkaitan COVID-19 bagi meningkatkan keselamatan dan kesinambungan operasi tenaga kerja, mencecah RM62 juta.
- Dividen interim ketiga RM0.92 sesaham diisytiharkan, menjadikan dividen terkumpul RM2.32 sesaham bagi tahun kewangan dilaporkan, walaupun menghadapi cabaran luar sepanjang tahun.

Nestlé (Malaysia) Berhad mencatatkan satu lagi keputusan mantap bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020, berasaskan Perolehan berjumlah RM5.4 bilion. Prestasi Kumpulan meningkat pada suku terakhir tahun, dengan pertumbuhan hasil dan keuntungan kukuh berbanding tempoh yang sama pada 2019. Keputusan ini dipacu oleh tahap penggunaan di rumah yang kukuh, pemulihan eksport dan beberapa kemajuan dalam saluran di Luar Rumah ("OOH") berikutan keadaan operasi yang lebih terbuka dalam fasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan ("PKPP").

#### **Penilaian prestasi: Suku 4, 2020 berbanding Suku 4, 2019**

Kumpulan mencatatkan Perolehan RM1.37 bilion bagi suku keempat, iaitu peningkatan 3.1% berbanding S4 2019. Perniagaan makanan dan minuman teras terus menjadi penyumbang utama, mencatatkan pertumbuhan 6% yang dipacu oleh penggunaan di rumah yang kukuh. Perniagaan eksport juga mencapai pertumbuhan memberangsangkan. Turut menyumbang selanjutnya kepada prestasi Kumpulan ialah jualan melalui saluran OOH yang mencatatkan prestasi lebih baik seiring pelonggaran sekatan di bawah PKPP pada separuh kedua tahun, walaupun angka masih jauh di bawah paras sebelum COVID.

En. Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé (Malaysia) Berhad berkata, "Keputusan suku tahunan yang lebih baik dicapai berkat usaha berterusan pasukan-pasukan kami memacu peluang-peluang pertumbuhan bagi semua jenama dan saluran dalam suasana yang mencabar (terutamanya saluran OOH) dan persaingan yang sengit. Jenama-jenama kami terus mendapat pengiktirafan pengguna hasil daripada perancangan jenama yang kukuh, inovasi menarik dan pelaksanaan jualan yang mantap."

Pelancaran inovasi produk yang dipercepat juga merupakan pemacu utama pertumbuhan pada suku tahun ini. Selain daripada inovasi yang diperkenalkan pada suku sebelumnya, produk baharu terus memperkukuhkan portfolio, termasuk MILO Nutri Breakfast, format baharu Sos Cili MAGGI, dan pelancaran KIT KAT GOLD, dalam versi Aiskrim dan Konfeksi. Satu mercu jaya Suku Tahun ini ialah pelancaran NESCAFÉ Classic *Kopi Kedah*, produk NESCAFÉ pertama yang diperbuat daripada 100% biji kopi Malaysia.

Kumpulan mencatatkan Untung Sebelum Cukai RM167.4 juta, sekali gus merapatkan jurang keputusan 2019 berbanding Tiga Suku Tahun sebelumnya. Ini terutamanya disebabkan saluran OOH yang terjejas, di samping perbelanjaan operasi lebih tinggi untuk melindungi keselamatan semua kakitangan di tempat kerja dan memastikan kesinambungan operasi, termasuk program pemeriksaan antigen COVID-19 yang amat penting untuk melindungi kakitangan. Bagaimanapun, Kumpulan tetap berjaya mencatatkan Untung Selepas Cukai RM132.5 juta, peningkatan sedikit berbanding suku yang sama tahun lepas.

"Sejak permulaan pandemik COVID, keutamaan kami adalah melindungi keselamatan semua pekerja kami, tanpa mengira implikasi kos. Sebagai contoh, program saringan besar-besaran kami yang bermula pada bulan Oktober 2020, lebih 140,000 ujian telah dijalankan setakat ini, menelan kos terkumpul berjumlah beberapa juta Ringgit. Usaha memerangi virus ini mengajar kami untuk terus bersikap merendah diri, proaktif dan berdisiplin dalam pelaksanaan semua SOP dan langkah pengawalan. Kami juga telah memenuhi komitmen kami untuk melindungi pekerjaan dan penggajian, dan telah berjaya mengelakkan sebarang penyusunan semula tenaga kerja pada 2020 walaupun dihimpit tekanan kos yang besar yang perlu kami tampung."

Sejajar dengan komitmen Kumpulan untuk menyampaikan nilai yang mampan dan berkekalan kepada pemegang saham, Lembaga Pengarah telah mengisytiharkan dividen interim ketiga RM0.92 sesaham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020. Dividen terkumpul bagi tahun yang dilaporkan berjumlah RM2.32 sesaham: pembayaran dividen yang kukuh dalam suasana yang tidak stabil pada 2020.

## **Penilaian Prestasi: Tahun Penuh 2020 berbanding Tahun Penuh 2019**

Bagi tahun kewangan penuh, Perolehan Kumpulan mencecah RM5.41 bilion, dengan kesan pandemik tertumpu pada separuh pertama tahun yang ditambah pula dengan cabaran sambutan Tahun Baharu Cina sangat awal pada 2020. Separuh kedua tahun menyaksikan pemulihan jualan dan juga eksport secara beransur apabila kesan paling buruk pandemik mula reda.

Perniagaan makanan & minuman F&B teras Kumpulan mencatatkan pertumbuhan jualan 2.3% pada tahun yang dilaporkan, memanfaatkan pelaksanaan jualan yang amat berkesan dan kempen jenama melibatkan pengguna yang membantu menaikkan semangat rakyat Malaysia dalam suasana yang amat mencabar. Ini termasuk kejayaan Peraduan Nestlé Gaji Seumur Hidup, sambutan Ulang Tahun Ke-70 MILO, kempen MAGGI Sah Malaysia dan aktiviti yang menyokong jenama-jenama kopi kami, termasuk perkembangan rangkaian *STARBUCKS at HOME* dan pelancaran NESCAFÉ Classic *Kopi Kedah* yang diperbuat 100% daripada biji kopi Malaysia. Di samping itu, Nestlé Ice Cream turut berusaha menyusun strategi inovatif untuk membekalkan aiskrim kepada isi rumah Malaysia dalam perintah kawalan pergerakan.

Kumpulan mencatatkan margin keuntungan stabil bagi tahun penuh 2020, dengan Untung Sebelum Cukai RM724.8 juta dan Untung Selepas Cukai RM552.7 juta. Kerosotan berbanding 2019 terutamanya disebabkan kesan COVID-19 terhadap saluran OOH dan perbelanjaan besar berkaitan COVID-19 berjumlah RM62 juta yang dilaburkan dalam usaha menangani pandemik dan langkah-langkah menyeluruh yang diambil untuk melindungi keselamatan kakitangan dan kesinambungan operasi. Malah tahun kewangan sebelumnya juga mengambil kira keuntungan sekali berjumlah RM21 juta berkaitan dengan pelupusan kilang di Petaling Jaya.

En. Juan Aranols mengulas, "Kami meneruskan usaha sepanjang pandemik dengan mengekalkan tumpuan terhadap perkara yang penting: Kami memastikan keselamatan dan melindungi pekerjaan dan pendapatan semua kakitangan kami; kami memastikan bekalan makanan dan minuman asas yang berterusan; dan kami membantu komuniti melalui pelbagai program bantuan. Saya juga berbangga untuk memaklumkan bahawa kami telah melaksanakan pelan Pelaburan Modal penuh kami bagi 2020 (tertinggi dalam tempoh 6 tahun lepas) dan mencapai kemajuan besar dalam agenda kelestarian kami. Dua daripada pencapaian penting ialah kejayaan menanam 1 Juta pokok di Sabah di bawah Projek RiLeaf dan pertukaran penuh kepada straw kertas yang diperolehi secara lestari di seluruh rangkaian UHT kami. Semua pasukan kami perlu diberi pujian atas usaha, kesungguhan dan komitmen tidak berbelah bagi mereka dalam memberikan sumbangan positif kepada seluruh rakyat Malaysia."

## **Prospek bagi 2021**

En. Aranols mengulas lanjut, “Kami meramalkan bahawa COVID-19 akan terus menimbulkan kesan terutamanya sepanjang separuh pertama tahun ini. Kami akan terus berusaha menjamin keselamatan kakitangan kami, memastikan bekalan berterusan produk kami dan sekali lagi membantu komuniti yang terdedah menerusi pelbagai program berbeza. Kami juga menjangkakan pemulihan ketara dalam harga banyak komoditi penting yang bakal memberi tekanan kepada margin dan akan berusaha sedaya upaya untuk menangani keadaan. Kami juga akan mengendalikan perniagaan kami dengan tumpuan terhadap jangka panjang dan sentiasa membekalkan produk bermutu tinggi yang selamat dan berkhasiat yang memenuhi cita rasa dan jangkaan seluruh rakyat Malaysia.”

“Beberapa perkembangan menarik akan dijalankan pada 2021, seperti penceburan kami dalam kategori makanan berasaskan tumbuhan yang semakin berkembang. Kemudahan kilang Sajian Berasaskan Tumbuhan, satu daripada dua di seluruh Asia, kini sudah siap dan beroperasi sepenuhnya, dan akan dilancarkan secara rasmi pada bulan April. Pada 2021, kami bakal memperuntukkan pelaburan baharu yang besar untuk meluaskan dan menaik taraf kemudahan pengilangan, yang juga bakal mencipta peluang pekerjaan baharu. Akhir sekali malah tidak kurang pentingnya, kami akan menggiatkan usaha kami pada 2021 untuk membina masa depan yang lebih hijau dan lestari untuk semua, dengan projek penting seperti pelaksanaan Projek RELeaf, dengan matlamat menanam tiga juta pokok dari 2021 hingga 2023, perjuangan berterusan menentang sisa plastik dan menggiatkan usaha kami untuk bertukar kepada sumber tenaga boleh diperbaharui di semua tapak kilang kami.” rumus En. Aranols.

## **Tentang Nestlé Malaysia**

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Dengan ibu pejabat yang terletak di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 buah negara di seluruh dunia dan kesemua pekerja kami seramai 291,000 orang komited dalam membantu mencapai tujuan Nestlé untuk merungkai kuasa makanan demi meningkatkan kualiti kehidupan bagi semua, pada hari ini dan untuk generasi akan datang. Matlamat kami didorong oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Sejak tahun 1912, Nestlé dipercayai oleh para pengguna kami menerusi jenama-jenama dan produk kami yang berkualiti. Kami komited dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat di mana saja kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan integriti Halal. Ini selaras dengan janji kami dalam memberikan “GOOD FOOD, GOOD LIFE” kepada semua.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai bagaimana kami telah membantu rakyat Malaysia menjalani kehidupan sihat selama lebih satu abad, sila layari [www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my) atau laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/Nestle.Malaysia>.

## **Untuk maklumat lanjut, sila hubungi**

Maxine Lim  
Nestlé (Malaysia) Berhad  
Tel: (+603) 7965 6650  
+6012-353 1337  
E-mel: [Maxine.Lim@my.Nestlé.com](mailto:Maxine.Lim@my.Nestlé.com)

**Alya Nurina atau Yasmin Kadir**  
acorn communications  
Tel: (+603) 7958 8348  
+6010 -221 8216 (Alya) atau  
+6017 237 9048 (Yasmin)  
E-mel: [acorncommunications@acornco.com.my](mailto:acorncommunications@acornco.com.my)